

## MULTILINGUAL MEMPERKASA BAHASA MELAYU

Dr. Yabit Alas  
Brunei Darussalam

### Abstrak

*Kebanyakan negara di dunia ini menggunakan bahasa sebagai alat perpaduan terutama jika negara tersebut mempunyai rakyat yang berbilang etnik. Melihat begitu banyaknya negara serta sekian lama dasar ini telah diterapkan, kita sangat yakin yang dasar ini sangat berjaya. Bagaimanapun, dasar ini diterapkan ketika mekanisme penyatuan lainya belum ada atau belum mantap. Jadi, banyak negara menggunakan bahasa sebagai cara mudah dan dianggap "diplomasi" terutama untuk menangani isu multietnik. Dalam kasus Nusantara, kita juga telah melihat kaedah yang sama digunakan di Indonesia, Malaysia, Brunei dan juga Singapura. Bahasa yang diangkat menjadi bahasa nasional adalah bahasa Melayu walaupun dengan interpretasi dan nama yang berbeza, di Indonesia dengan bahasa Indonesiannya, di Malaysia, Brunei dan Singapura dengan bahasa Melayunya. Dasar bahasa nasional ini tidak secara langsung telah mengakibatkan satu bentuk bahasa yang seragam atau homogeneous. Bagaimanapun, jika kita meninjau secara diakronik perkembangan bahasa Melayu, kita akan melihat majoriti 'stakeholder' bahasa Melayu itu sebenarnya bukan orang Melayu tetapi adalah multietnik yang mendiami Nusantara serta pedagang-pedagang yang keluar masuk Nusantara. Antara kekuatan dan ketahanan bahasa Melayu selama 1300 tahun ini adalah disebabkan ada permintaan dari multietnik peribumi bukan Melayu atau etnik Melayu yang berlainan dialek serta pendatang-pendatang yang berurusan dengan Nusantara. Sistem kekebalan bahasa Melayu semakin kuat kerana banyak permintaan dari etnik lain terutama menyedari hakikat yang bahasa Melayu adalah lingua franca di alam Melayu. Bagaimanapun, sistem kekebalan ini semakin lemah jika masyarakat Nusantara semakin homogeneous kerana bahasa Melayu yang dianggap bahasa 'superstratum' akan berdepan dengan bahasa 'world superstratum', iaitu bahasa Inggeris. Mungkin kita tidak boleh menghalang perubahan tetapi sebenarnya kita boleh memperlambatkan proses tersebut dengan menggunakan kaedah alamiah dan sekali gus kita berusaha menyelamatkan kepupusan bahasa minoriti yang lainya.*

Sejarah adalah perkara yang telah berlaku serta merupakan refleks bagi kejadian yang akan datang (Carr, 1961). Apa yang telah berlaku selalunya akan berlaku lagi pada masa sekarang atau pada masa akan datang. Jika bahasa Melayu boleh bertahan sejak 1300 tahun yang lalu walaupun telah dipengaruhi oleh beberapa bahasa besar lain pasti tidak ada alasan mengapa bahasa Melayu tidak boleh bertahan sekurang-kurangnya 1300 tahun lagi. Apakah dakwaan ini satu realiti atau khayalan? Jawapannya bukan boleh dijawab dengan melihat bahasa Melayu secara sinkronik sahaja tetapi jawapan sebenarnya adalah lebih bergantung pada penyebab ketahanan dan kelangsungan bahasa Melayu selama ini.

Mungkin kita mendengar alasan yang selalu dikemukakan tentang kelangsungan bahasa Melayu ialah kerana letak kawasan penuturnya yang secara geografi sangat strategik (Abdul Rahman, 1985:31). Kerajaan Srivijaya secara kebetulan wujud di tepi Selat Melaka yang menjadi penghubung laluan barat dengan laluan timur. Disebabkan letaknya yang strategik ini telah membuatkan kerajaan Srivijaya mudah berhubung dengan dunia luar sehingga mengakibatkan tamadunnya meningkat yang tidak secara langsung menaikkan darjat masyarakat di dalamnya. Selain itu kewujudannya juga sangat signifikan, iaitu ketika beberapa tamadun lain sudah secara intensif keluar dari daerah mereka, umpamanya orang-orang India mula belayar ke timur serta orang-orang Cina mula turun ke selatan. Oleh itu, letak Srivijaya yang secara kebetulan strategik serta kewujudannya pada waktu yang tepat adalah antara faktor yang menyumbang perkembangan bahasa Melayu sehingga sekarang. Faktor-faktor lain seperti perkembangan ekonomi, penyebaran agama dan sebagainya adalah rentetan dari dua faktor yang disebutkan tadi.

Bagaimanapun dengan ledakan teknologi dan globalisasi di mana bahasa Inggeris dilihat sebagai penyelamat ekonomi, mampukah letak strategik sahaja mempertahankan bahasa Melayu? Apakah bahasa Melayu tetap berada pada zaman yang tepat? Kalau jawapannya tidak relevan lagi sudah pasti rentetan perkembangan akibat dua faktor tadi tidak boleh bertahan juga. Alam Melayu ketika zaman kolonial dilihat sebagai penyumbang ekonomi dunia terutama dunia barat yang tidak secara langsung mencetus pada kemodenan dunia terutama teknologi pelayaran. Bagaimanapun semua itu sudah menjadi sejarah dan tidak membawa apa-apa kesan lagi. Jadi jika semua ini terjadi, daya tahan diri bahasa Melayu sudah semakin lemah.

Jika kita melihat jumlah penduduk Melayu pada masa sekarang yang sebenarnya adalah antara kaum minoriti di alam yang diberi nama sempena masyarakat ini, kita juga boleh mengandaikan yang masyarakat Melayu juga adalah antara kaum minoriti sejak dari awal kewujudannya. Sejak dari abad ketujuh sehingga sekarang, bahasa Melayu tetap

mendominasi alam Melayu. Rahsia ketahanan bahasa Melayu yang selalu diperkatakan ialah sifat toleransi masyarakat dan bahasa Melayu itu sendiri. Kita sudah mula dipengaruhi oleh bahasa asing seawal abad ketujuh, iaitu dengan kemasukkan orang-orang India yang membawa bahasa Sanskrit. Selepas itu selama 1300 tahun pengaruh demi pengaruh telah diterima oleh bahasa Melayu, antara lain ialah pengaruh Arab, Cina, Portugis, Belanda dan Inggeris. Kita juga boleh menjawab yang ketahanan bahasa Melayu itu adalah kerana sikap masyarakat Melayu yang tidak tamak, iaitu mengambil apa yang perlu sahaja kerana konsep pada masa itu ialah keperluan. Bagaimanapun, konsep sekarang sudah jauh berlainan dari konsep terdahulu kerana konsep sekarang ialah *survival*, ertinya jika kita tidak mengambil, ia akan memudaratkan. Konsep ini telah membuat sebahagian dari masyarakat kita percaya, iaitu jika kita tidak mengambil bahasa Inggeris, akibatnya teknologi kita akan ketinggalan, ekonomi kita akan mundur dan untuk jangka masa panjang bangsa kita akan dipandang rendah.

Semua persepsi tadi tidak kira akan terjadi atau tidak, sudah cukup membuatkan kita berada dalam kebimbangan. Kos kejayaan jika mengikut persepsi tadi sangat mahal, iaitu bahasa Melayu sendiri akan musnah. Kita harus menilai semula dasar kebahasaan pada setiap negara dan pada waktu yang sama memikirkan cara lain untuk memulihara bahasa Melayu. Kita tidak akan dapat menahan perubahan tetapi sekurang-kurangnya kita boleh memperlambatkan perubahan. Salah satu caranya ialah dengan memasang strategi di mana bahasa masyarakat bukan Melayu di dalam negara masing-masing harus tetap dipertahankan. Bahasa-bahasa yang dimaksudkan ialah bahasa masyarakat peribumi dan bukan peribumi, termasuk bahasa atau dialek Cina dan India serta mana-mana bahasa bagi masyarakat yang dianggap warga negara tersebut. Bahasa-bahasa bukan Melayu ini sebenarnya adalah bertindak sebagai perisai penghadang perubahan ini.

Bagaimanapun perbincangan yang akan difokuskan di sini ialah hubungan bahasa Melayu dan bahasa peribumi di alam Melayu ini. Isu yang selalu kita dengar dan bincangkan

jika bersangkutan dengan bahasa peribumi ialah soal kepupusan bahasa terutama bahasa yang dianggap minoriti. Salah satu punca kepupusan ini ialah penggunaan bahasa Melayu. Kenyataan kepupusan bahasa peribumi akibat dari perkembangan bahasa Melayu memang tidak dapat dinafikan lagi. Sistem pendidikan, bahasa rasmi serta bahasa standard, media massa semuanya menyumbang pada kepupusan bahasa peribumi terutama masyarakat yang betul-betul minoriti. Jika kita teliti sejarah dengan melihat Nusantara secara luas, kita akan menyedari bahawa sebenarnya penggunaan bahasa peribumi pada kalangan bukan Melayu telah berjasa besar dalam memelihara bahasa Melayu itu sendiri.

Selepas kerajaan Srivijaya lemah pada akhir abad ke-13, beberapa kerajaan lama yang bukan Melayu muncul di Nusantara (Abdul Rahman, 1985:34). Kejayaan penting semasa kerajaan Srivijaya bukan sahaja terletak pada keluasan jajahannya tetapi satu aspek penting ialah kejayaannya menyebarkan penggunaan bahasa Melayu. Asas penting yang ditanam oleh kerajaan Srivijaya ini telah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa lingua franca di Nusantara. Jika bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa lingua franca, ini bermakna kerajaan-kerajaan bukan Melayu juga menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan antarabangsa mereka. Antara contoh yang terbaik dan menonjol ialah kerajaan Majapahit. Dari sudut sejarah, kerajaan Majapahit yang diasaskan oleh Raden Wijaya pada tahun 1292 (Abdul Rahman 1985:40) adalah sebuah kerajaan Jawa yang sudah pasti menggunakan bahasa Jawa sebagai bahasa pentadbiran. Bagaimanapun bahasa Jawa tidak pernah digunakan sebagai bahasa perhubungan dengan dunia luar kerana bahasa Jawa bersifat lokal.<sup>1</sup> Jadi bahasa yang paling sesuai digunakan sebagai bahasa perhubungan ialah bahasa Melayu kerana sudah pasti ramai golongan bangsawan atau rakyat jelata yang menguasai bahasa Melayu pada zaman tersebut.

---

<sup>1</sup> Tetapi kita perlu juga ingat yang pengaruh kerajaan Majapahit telah meninggalkan kesan yang penting. Sebahagian besar kosa kata Jawa yang dipakai dalam kosa kata bahasa Melayu sekarang kemungkinan akibat dari pengaruh kerajaan Majapahit.

Kerajaan-kerajaan lain di pulau Jawa juga sama seperti kerajaan Majapahit, yaitu bukan kerajaan Melayu. Antaranya ialah kerajaan Sunda (8M–16M) yang tentunya menggunakan bahasa ibunda masyarakatnya sebagai bahasa pentadbiran. Tetapi dalam soal hubungan dengan negara lain, bahasa Sunda tidak difahami sehingga timbul lagi keperluan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka. Demikian juga kerajaan Mataram I (8M–10M) di Jawa Tengah, kerajaan Kediri (1042M–1222M) dan kerajaan Singasari (1222M–1292M) di Jawa Timur semuanya bukan penutur Melayu tetapi menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan antarabangsa mereka (Abdul Rahman, 1985:19–43).

Jadi jika kita bercakap tentang kerajaan Melayu, kita boleh mengira dengan mudah dan cepat sahaja, antaranya ialah kerajaan Srivijaya sendiri, kerajaan Melayu di Jambi, kerajaan Kutai di Kalimantan Timur, kerajaan Po-ni yang kemungkinan Brunei dan kerajaan Minangkabau di Sumatera serta beberapa kerajaan kecil yang lain yang wujud sezamannya (Abdul Rahman, 1985:19–43). Jika kita melihat gambaran besar sebenarnya, siapakah paling banyak mendukung bahasa Melayu pada zaman itu? Jawapannya ialah masyarakat bukan Melayu di Nusantara.

Satu abad sebelum kedatangan orang Barat, yaitu pada awal abad kelima belas, Melaka telah menganuti agama Islam yang seterusnya membentuk satu budaya yang sangat unik di alam Melayu. Budaya unik yang dimaksudkan itu ialah gabungan dari budaya tempatan serta budaya India dan Arab. Budaya inilah yang seterusnya membentuk satu budaya baru dunia Melayu sehingga sekarang dengan sistem tulisan jawi yang diadaptasi dari tulisan Arab.

Bagaimanapun pada zaman yang sama di tempat yang lain, umpamanya dalam kerajaan Champa (sekarang Vietnam), kerajaan Banten di pulau Jawa serta beberapa tempat di pedalaman Sumatera, bahasa Melayu tetap digunakan sebagai bahasa

perhubungan serta bahasa tulisan, walaupun sistem tulisan yang digunakan masih tetap ada hubungannya dengan sistem tulisan dari India (Collins, 1998:15).

Jika kita beralih pada zaman kolonial, daerah penutur Melayu asli tetap sama, iaitu di Sumatera, Semenanjung Tanah Melayu dan beberapa kawasan di Borneo. Selebihnya adalah masyarakat bukan Melayu yang menuturkan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua atau untuk tujuan komunikasi dengan komuniti luar. Beberapa pelabuhan lain yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa dagang juga semakin tersebar, iaitu sejauh pinggir kawasan Pasifik seperti Ternate dan Bacan (Collins, 1998:16). Contoh yang paling baik ialah surat rasmi yang ditulis oleh Sultan Abu Hayat iaitu seorang raja kanak-kanak Ternate pada tahun 1521 dan 1522 kepada raja Portugis yang menggunakan bahasa Melayu dengan tulisan jawi sekali (Collins, 1998:18). Surat-surat ini menarik kerana sultan Ternate dan kemungkinan juga jurutulis beliau adalah bukan orang Melayu tetapi mereka melihat bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan yang paling sesuai pada zaman itu.

Pada zaman sekarang pula hampir semua kerajaan lama yang disebut tadi telah bergabung menjadi satu negara, iaitu Malaysia dan Indonesia. Masyarakat dalam kerajaan-kerajaan yang telah disebut itu sudah menjadi sebahagian dari masyarakat peribumi dalam negara yang disebutkan. Bagaimanapun jika dilihat dari keluasan kawasan penutur bukan Melayu yang mendukung bahasa Melayu, kita boleh juga mengatakan yang bilangan penutur bukan Melayu yang menuturkan bahasa Melayu mungkin lebih banyak jika dibandingkan dengan masyarakat Melayu sendiri. Setelah sekian lama kita boleh melihat bahasa Melayu itu bukan sahaja didukung oleh orang Melayu tetapi masyarakat bukan Melayu juga. Apakah kemungkinan kelangsungan bahasa Melayu ini adalah juga hasil sumbangan dari penggunaan bahasa ini oleh masyarakat lain.<sup>2</sup>

---

<sup>2</sup> Memang tidak dinafikan juga di Nusantara, agama Islam selalu dikaitkan dengan orang Melayu. Jika seseorang bukan Islam memeluk agama Islam mereka sering disebut sebagai "masuk Melayu". Memang secara praktis tidak boleh "masuk Melayu" kerana "Melayu" di sini merujuk bangsa. Manusia dilahirkan sebagai bangsa ayah atau ibunya dan bangsa tidak boleh ditukar ganti. Bagaimanapun, sedar atau tidak, sebenarnya proses "masuk Melayu" ini betul-betul terjadi di Nusantara. Masyarakat Melayu di Kalimantan Barat berjumlah sekitar 39 peratus daripada jumlah penduduk yang dianggarkan sekitar 3.5 juta orang sedangkan masyarakat Dayak pula merupakan majoriti sekitar 41 peratus (Collins, <http://www.angelfire.com/alt/ghettoway/malaysocio.html>). Bagaimanapun ramai antara masyarakat Melayu itu adalah

Jika kita melihat bahasa Inggeris sekarang ternyata bilangan orang Inggeris jauh lebih kecil jika dibandingkan dengan pemakai bahasa itu sendiri. Jika kita gabungkan semua pemakai bahasa Inggeris yang termasuk bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau bahasa asing serta penutur yang mempunyai pengetahuan tentang bahasa Inggeris, sudah pasti angka ini mencecah lebih dari satu bilion di seluruh dunia. Sedangkan jumlah penutur yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama dianggarkan melebihi 400 juta orang<sup>3</sup>. Penutur bahasa kedua dianggarkan dari 150 juta sehingga 1.5 bilion. Ini membuatkan bahasa Inggeris sebagai bahasa dominan yang digunakan sebagai bahasa antarabangsa dalam bidang komunikasi, sains, perdagangan penerbangan, hiburan, hubungan antarabangsa dan juga internet. Bahasa ini telah menjadi bahasa rasmi dalam negara Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) semenjak penubuhannya pada tahun 1945 dan dianggap ramai sebagai bahasa universal ([http://en.wikipedia.org/wiki/English\\_language](http://en.wikipedia.org/wiki/English_language)).

Bagaimanapun, jika kita melihat kenyataan sebenar penutur yang menggunakan bahasa Inggeris, kita akan mendapati penutur yang paling ramai bukan di negara asalnya, iaitu England. Malahan penutur yang teramai adalah negara yang bukan berkulit putih, iaitu India serta diikuti oleh China yang menduduki tempat ketiga. Kita boleh melihat dengan

---

daripada masyarakat Dayak yang memeluk agama Islam, kemudian mengalami proses asimilasi sehingga menjadikan diri mereka orang Melayu. Orang Melayu Banjar kebanyakannya berasal dari orang Ngaju, orang Maanyan atau orang dari masyarakat bukan Melayu yang tinggal di pedalaman Banjarmasin (Adelaar, 2003). Brown (1970) juga pernah mengatakan yang kebanyakan dari orang Melayu Brunei kemungkinan adalah berasal dari masyarakat peribumi Brunei yang bukan Melayu.

<sup>3</sup> Jika dilihat secara terperinci pula, mengikut laporan *CIA World Factbook* (<https://www.cia.gov/cia/publications/factbook/geos/uk.html#people>), banci penduduk yang dilakukan di United Kingdom pada tahun 2001, penduduk berkulit putih United Kingdom adalah sebanyak 92.1 peratus (58 789 194) dan daripada jumlah tersebut 83.6 peratus (45 265 093) adalah dari etnik Inggeris. Di Amerika Syarikat jika mengikut *American Community Survey 2004*, seramai 24 515 138 orang mendakwa yang diri mereka adalah dari keturunan Inggeris (<http://factfinder.census.gov/servlet>), manakala *Australian Bureau of Statistics 2001* (<http://www8.abs.gov.au/censusoutput>) melaporkan seramai 6 358 880 penduduk Australia yang mengakui diri mereka daripada keturunan Inggeris. Di Canada pula mengikut *2001 Canadian Census* seramai 1 479 520 adalah dari keturunan Inggeris (<http://www12.statcan.ca/english/census01>). Akhir sekali mengikut 2001 New Zealand census seramai 34 074 penduduk di negara itu adalah dari keturunan Inggeris (<http://www.stats.govt.nz/default.htm>).

jelas, sebenarnya kekuatan bahasa Inggeris itu sekarang adalah disebabkan bahasa ini mendapat dukungan dari pelbagai komuniti dunia.

Jika kita terapkan penyebaran bahasa Inggeris dengan penyebaran bahasa Melayu pada zaman silam dan juga pada masa sekarang, kita juga akan melihat gambaran yang sama terjadi. Apa yang berbeza hanyalah skala kawasan geografi sahaja. Kawasan penutur Melayu pada masa sekarang lebih tertumpu di Nusantara. Tetapi jika kita melihat kepelbagaian etnik bukan Melayu yang menuturkan bahasa Melayu kita mungkin akan melihat gambaran yang sama dengan bahasa Inggeris.

Jika kita melihat komposisi penduduk pada setiap negara yang menuturkan bahasa Melayu sekarang ternyata kaum peribumi tetap mempunyai jumlah yang cukup signifikan pada hampir kesemua negara yang terlibat. Umpamanya di Malaysia, iaitu jika mengikut *1997 Vital Statistics Malaysia Report*, penduduk Malaysia berjumlah hampir 21 juta (jumlah sebenar 20 997 220), dan dari jumlah tersebut, penduduk Melayu ialah 10.2 juta (48.5 peratus). Penduduk peribumi lain (termasuk Iban, Kadazan, Melanau, Bidayuh, Murut, dan lain-lain) berjumlah 2.2 juta (10.5 peratus). Selebihnya ialah penduduk bukan peribumi, iaitu masyarakat Tionghua (5.4 juta orang atau 25.7 peratus), dan orang India Serani dan lain-lain (3.1 juta orang atau 14.7 peratus) ([http://id.wikipedia.org/wiki/Masyarakat Melayu di Malaysia](http://id.wikipedia.org/wiki/Masyarakat_Melayu_di_Malaysia)).<sup>4</sup>

Indonesia pula memiliki kawasan yang sangat luas, iaitu terdiri daripada 17 504 pulau dan dibahagikan kepada 33 provinsi dengan keramaian penduduk sebanyak 241 973 900 orang dengan bilangan bahasa sekitar 360 ([http://id.wikipedia.org/wiki/ Bahasa\\_Indonesia](http://id.wikipedia.org/wiki/Bahasa_Indonesia)) atau mengikut sumber lain sebanyak 742 ([http://www.ethnologue.com/show\\_country.asp?name=Indonesia](http://www.ethnologue.com/show_country.asp?name=Indonesia)). Bahasa Melayu menduduki tempat ketiga jika dikira daripada jumlah penduduk, iaitu dengan jumlah 22 803 774, tempat kedua ialah

---

<sup>4</sup> Kenyataan ini belum mengambil kira berpuluh-puluh masyarakat bumiputra yang lainnya, umpamanya di Sabah, Paitan, Bajau, Bisaya, Tidong, dan lain-lain, di Sarawak pula Penan, Bisaya, Kenyah, Kayan, Bintulu, Mirik dan banyak lagi.



Sunda dengan keramaian 27 000 000 dan penutur yang paling ramai ialah penutur Jawa dengan keramaian 7 520 000 ([http://www.ethnologue.com/show\\_country.asp?name=Indonesia+\(Java+and+Bali\)](http://www.ethnologue.com/show_country.asp?name=Indonesia+(Java+and+Bali))).

Di Negara Brunei Darussalam pula walaupun kecil, jumlah kepelbagaian etniknya tidak kurang hebatnya. Dengan ukuran negara 5 765 km persegi berserta bilangan penduduk seramai 343 653 orang (<http://id.wikipedia.org/wiki/Brunei>), terdapat tidak kurang dari 5 etnik yang dikategorikan sebagai etnik peribumi (tidak termasuk etnik Melayu) serta beberapa etnik Borneo yang lain, antaranya Iban, Penan dan lain-lain.

Peranan bahasa peribumi dalam mendukung bahasa Melayu jika dilihat dari perangkaan tadi memang tidak diragukan lagi. Memang benar bahasa Melayu berkembang kerana faktor-faktor dalaman, antaranya sikap terbuka masyarakat itu sendiri, pertembungan dengan budaya maju dari luar serta beberapa faktor lain. Tetapi yang kita ingin bincangkan bukan sahaja soal perkembangan tetapi juga soal kelangsungan atau ketahanan. Bahasa boleh berkembang tetapi tidak semestinya boleh bertahan.


Bahasa Melayu boleh bertahan kerana bahasa ini digunakan sebagai bahasa perantaraan, perhubungan atau dengan kata lain lingua franca. Istilah lingua franca untuk merujuk bahasa Melayu memang sudah agak mantap dan selalu merujuk zaman kegemilangan kerajaan Melaka. Bahasa perhubungan ini bermaksud bahasa yang digunakan dengan masyarakat luar yang bukan Melayu atau masyarakat peribumi Nusantara sendiri yang juga bukan dari etnik Melayu. Semakin luas penggunaan bahasa itu terutama dari luar lingkungan masyarakat aslinya, semakin bertahanlah bahasa tersebut. Bahasa Inggeris seperti yang diterangkan tadi bertahan dan berkembang kerana digunakan oleh masyarakat antarabangsa. Jika permintaan besar maka besarlah peranan bahasa tersebut. Proses ini sama seperti dalam bidang ekonomi, iaitu jika banyak permintaan sesuatu produk maka pengeluaran juga semakin meningkat, sebaliknya jika permintaan kurang, pengeluaran juga harus dibatasi sehingga keadaan ini boleh mengakibatkan kilang

tersebut “gulung tikar”. Kebanyakan produk konsumer yang boleh bertahan di pasaran ialah produk yang digunakan oleh semua lapisan masyarakat serta semua lapisan bangsa.


Bahasa Melayu memang sudah dilihat sebagai bahasa yang mempunyai prestij dan dilihat sebagai bahasa dominan. Bahasa-bahasa pribumi lain yang bersifat *substratum* menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ikutan mereka sehingga terjadi proses asimilasi. Bagaimanapun proses asimilasi sejak sekian lama terjadi pada kadar jangka waktu yang minimal sehingga terjadi keseimbangan penutur yang tetap mengekalkan bahasa peribumi mereka dengan penutur yang memilih bahasa Melayu sebagai bahasa penunjuk status mereka. Akibat dari proses asimilasi yang minimal ini bahasa peribumi yang lain boleh bertahan sehingga sekarang. Sehingga sejak sekian lama juga bahasa yang bertahan ini adalah juga sebagai bahan penambah tenaga bahasa Melayu.

Bagaimanapun, dengan perkembangan teknologi ditambah pula tuntutan ilmu pengetahuan serta keperluan perpaduan rakyat yang berbilang kaum, bahasa peribumi ini mula terabai. Disebabkan kurang kesedaran, masyarakat peribumi mula melihat bahasa Melayu sebagai satu bahasa yang mesti dipelajari atau dimiliki. Selepas merdeka di Indonesia dan Malaysia dan selepas perlembagaan digubal pada tahun 1959 di Brunei Darussalam, bahasa Melayu dilihat sebagai alat untuk penyatuan rakyat. Media massa juga tidak kurang peranannya dalam menyebarkan bahasa Melayu sehingga masyarakat peribumi bukan Melayu menganggap radio atau surat khabar adalah milik mereka juga. Agama Islam juga tidak kurang pentingnya dalam menyumbang proses asimilasi dan akulturasi bahasa peribumi ke bahasa Melayu. Masuk Melayu adalah satu konsep lumrah dan bersinonim dengan masuk Islam. Akibat dari persepsi serta dasar-dasar yang formal ini negara Brunei, Indonesia dan Malaysia sekarang sedang menghala ke arah dasar satu bahasa, iaitu bahasa Melayu sahaja atau homogeneous Melayu.

**Contoh** Skema Homogeneous Melayu di Brunei Darussalam.



Skema bahasa peribumi di Negara Brunei Darussalam.



Skema bahasa peribumi di Malaysia.



Skema bahasa peribumi di Indonesia.

Dasar homogeneous Melayu atau bahasa Indonesia adalah satu kejayaan besar bagi pemerintah kerana ia berjaya dijadikan sebagai satu alat perpaduan rakyat yang berkesan. Bagaimanapun dengan mengecilnya jumlah penutur bahasa peribumi semakin kurangnya daya tahan bahasa Melayu terutama dalam menempuh arus teknologi dan globalisasi di

mana satu bahasa yang betul-betul hebat sedang mendominasi dunia sekarang, iaitu bahasa Inggeris. Apa kaitan antara bahasa peribumi dengan kelangsungan bahasa Melayu?

Sebelum ini masyarakat peribumi yang jumlahnya sangat besar itu melihat dunia dari sudut pandangan dunia mereka. *Weltanschauung*<sup>5</sup> masyarakat mereka adalah paling utama iaitu mereka berfikir dengan bahasa serta budaya mereka. Tetapi dengan desakan dasar kerajaan melalui sistem pendidikan serta falsafah negara yang melihat bahasa Melayu sebagai sesuatu yang sangat mustahak dipelajari, bahasa etnik peribumi semakin terpinggir oleh masyarakat penuturnya sendiri. Apa yang lebih menakutkan ialah disebabkan proses asimilasi tadi banyak etnik peribumi melihat bahasa Melayu sebagai sesuatu tujuan yang perlu dicapai. Proses ini berlangsung dengan cepat sehingga proses yang lebih seribu tahun tadi akan berubah dalam masa kurang dari seratus tahun.

Jika kita melihat skema generasi yang ada sekarang kita boleh melihat dengan jelas mengapa proses ini sangat berbeza dengan apa yang telah terjadi selama beratus-ratus tahun ini. Sebagai bahan perbincangan dan perbandingan, kita ambil contoh dari situasi di Negara Brunei Darussalam atau beberapa tempat di Sarawak serta Sabah<sup>6</sup> di mana kita boleh bahagikan penduduknya kepada tiga tahap generasi, iaitu generasi 1 (G1) yang berumur 50 tahun ke atas, generasi 2 (G2) yang berumur sekitar 30 tahun sehingga 50 tahun dan generasi 3 (G3) yang berumur 30 tahun ke bawah.

G1 adalah generasi peribumi yang betul-betul secara majoritinya menguasai bahasa ibunda masing-masing serta mereka juga faham serta fasih bertutur bahasa Melayu. Mereka dilahirkan pada zaman di mana sistem pendidikan dan alat media massa kurang tersebar. Pada zaman ini, pengaruh bahasa Melayu kurang memberi kesan terhadap kehidupan dan budaya individu masyarakat bukan Melayu. Walaupun ada antara mereka sudah memeluk

---

<sup>5</sup> "*Weltanschauung*" [velt'-an-show-ōng] berasal dari bahasa Jerman, *welt* bermaksud "dunia", jadi "*Weltanschauung*" bermaksud "pandangan terhadap dunia" (*outlook upon the world*) (Kirkpatrick 1983:1482); pandangan menyeluruh, terutama bagi seseorang individu terhadap kehidupan manusia dan alam sejarat; pandangan dunia (Kamus Bahasa Melayu Nusantara, 2003:3030).

<sup>6</sup> Mengikut kajian yang pernah dilakukan dalam tahun 1997-2000, beberapa kampung di Sabah dan Sarawak sudah tidak memakai bahasa mereka lagi.

agama Islam tetapi pengaruh prestij Melayu kurang dirasai kerana masyarakat ini selalu membahaskan diri mereka sebagai masyarakat di mana dia dilahirkan, umpamanya jika dia dari masyarakat Murut, bahasa dan kepercayaan Murutlah yang dipegangnya. Propaganda penyebaran bahasa dan budaya Melayu tidak begitu intensif sehingga jati diri dan pandangan dunia G1 adalah pandangan dunia masyarakat ibundanya.

G2 pula adalah masyarakat peribumi bukan Melayu yang bilingual dan kebanyakannya telah mendapat pendidikan formal dalam bahasa Melayu serta bahasa Inggeris. Bagaimanapun, G2 masih begitu akrab dengan G1 sehingga komunikasi tetap berlangsung dalam bahasa ibunda masing-masing. Kesedaran untuk mendapatkan pekerjaan dengan gaji yang lumayan sudah semakin meningkat pada zaman G2, jadi kesedaran mendapatkan pendidikan yang terbaik sudah mula bertapak. Bagaimanapun, media massa tidak begitu tersebar luas sehingga pengaruh dari luar masyarakat mereka kurang memberi kesan terhadap kehidupan harian generasi ini. Tetapi harus diingat, ramai antara masyarakat bukan Melayu sudah mula memeluk agama Islam, jadi faktor memeluk agama Islam sudah mula mengubah cara berfikir G2.

G3 dilahirkan dalam era globalisasi, di mana pendidikan sangat penting. Untuk mendapatkan pekerjaan yang baik, kanak-kanak perlu mendapat ilmu sebaik mungkin. Untuk menguasai ilmu pendidikan terutama pada peringkat sekolah rendah, kanak-kanak akan lebih maju dengan cepat jika memahami bahasa guru, iaitu bahasa Melayu. Disebabkan dorongan inilah kebanyakan ibu bapa mendidik anak mereka dengan bahasa Melayu sejak dari lahir lagi. Kebanyakan G3 dilahirkan sebagai seorang Islam kerana orang tua mereka kebanyakannya adalah muallaf. Sebagai seorang Islam, identiti Melayu adalah semacam satu kemestian. Zaman ini juga memperlihatkan kepesatan perkembangan media massa sehingga semua aspek kehidupan disalurkan dalam media massa yang berbahasa Melayu. Wadah yang dilafazkan ketika mencapai kemerdekaan serta perlembagaan dalam negara masing-masing sudah membuahkan hasil kerana G3 dilahirkan selepas beberapa

tahun kemerdekaan atau dalam konteks Brunei selepas 17 tahun Perlembagaan 1959 digubal. Pemesongan yang dilakukan oleh G2 terhadap G3 serta tekanan keadaan semasa memang sangat berjaya sehingga cara berfikir dan pandangan dunia masyarakat peribumi bukan Melayu ini adalah sama seperti masyarakat Melayu yang lainnya.

Secara analoginya, jika bahasa yang berstatus *superstratum* akan menguasai atau mematikan bahasa *substratum*, iaitu superioriti bahasa Melayu boleh mengakibatkan kepunahan bahasa peribumi yang lainnya di Nusantara, bagaimana pula masa depan bahasa Melayu sendiri? Istilah *superstratum* dan *substratum* sendiri adalah bersifat relatif dan dinamik. Jika sekarang bahasa Melayu adalah bahasa *superstratum* bagaimana pula keadaannya jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris yang semakin mendapat tempat di seluruh dunia termasuk alam Melayu sendiri?

Kewujudan bahasa-bahasa peribumi yang lain sebenarnya adalah berfungsi sebagai alat penghadang atau sebagai benteng yang boleh memperlambatkan proses kepunahan bahasa Melayu. Memang proses perubahan itu sebenarnya tidak boleh diramalkan sehingga agak sukar bagi kita mempertahankannya dari berlaku. Bagaimanapun dengan adanya bahasa peribumi, sekurang-kurangnya proses mengalihkan kesetiaan bahasa itu melalui dua peringkat. Pertama, sebelum kaum peribumi beralih ke bahasa Melayu sudah pasti seseorang itu akan memikirkan bahasa ibundanya terlebih dahulu. Perasaan patriotik terhadap kaum dan bahasa sendiri itu akan memperlambatkan proses asimilasi ke dalam bahasa Melayu serta makin lambat lagi menuju proses asimilasi dengan bahasa Inggeris.


**Bahasa Peribumi**    **—————>**    **Bahasa Melayu**    **—————>**    **Bahasa Inggeris**

1. Skema asimilasi dari bahasa peribumi sehingga berubah sepenuhnya ke bahasa Inggeris.

**Bahasa Melayu** → **Bahasa Inggeris**

2. Skema asimilasi jika tidak ada bahasa peribumi

**Contoh** Jika bahasa peribumi pupus, bahasa Melayu akan bersaing satu lawan satu dengan bahasa Inggeris.



Mimpi buruk kepunahan bahasa Melayu sudah semakin nyata, di mana-mana sahaja kita melihat anak-anak muda atau golongan G3 lebih senang berbahasa Inggeris dari berbahasa Melayu. Perkara ini bukan sahaja terjadi di bandar-bandar tetapi juga sudah mula terlihat di kampung-kampung yang jauh dari bandar. Terdapat juga sesetengah keluarga yang membawa anak-anak mereka berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Jadi, apa pula yang bakal terjadi dalam G4 yang akan datang? Jawapannya tepuk dada tanya selera! Kalau kita berterusan tidak menghiraukan bahasa peribumi, suatu hari nanti bahasa peribumi seperti Kadazan, Dusun, Murut, Melanau, dan sebagainya hanya akan tinggal sejarah sahaja tentang kewujudannya. Tetapi lebih menyedihkan lagi jika bahasa yang sudah maju dan dianggap sebagai lingua franca selama 1300 tahun, iaitu bahasa Melayu juga akan turut musnah akibat sikap kita sendiri serta sikap ikut *trend* yang ada pada kita sekarang. Ledakan arus globalisasi serta teknologi infokomunikasi dan teknologi-teknologi canggih

yang lainnya akan menjadi cabaran yang sangat dahsyat dalam menjaga, memelihara dan mempopularkan bahasa Melayu.

Sebagai kesimpulannya, saya menyeru kepada semua pihak terutama pihak-pihak yang berwajib agar jangan melupakan yang lama demi mengejar yang baru. Takut yang dikejar tak dapat tetapi yang dikendong berciciran. Untuk merealisasikan pencapaian bahasa Melayu demi kepentingan perpaduan rakyat, bahasa kaum peribumi lain menjadi mangsa. Dengan ketiadaan bahasa peribumi lain kita secara tidak sedar sebenarnya juga telah mengakibatkan sistem daya tahan diri (*immunity*) bahasa Melayu semakin lemah. Kajian-kajian tentang bahasa peribumi perlu dipergiatkan. Selain dari itu program-program rehabilitasi bahasa-bahasa minoriti peribumi perlu dijalankan agar khazanah dunia yang sangat mahal ini tidak hanya tinggal sejarah. Kanak-kanak perlu diajarkan seberapa banyak bahasa sebelum mereka dewasa kerana semakin banyak bahasa yang dikuasai kanak-kanak tersebut semakin pintarlah kanak-kanak tersebut. Tetapi usaha seperti ini perlu mendapat dokongan dari pihak yang berwajib agar propaganda mencintai bahasa ibunda sampai kepada sasarannya.



## Rujukan

Abdul Rahman Haji Abdullah, 1985. Asia Tenggara tradisional. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.

Adelaar, K. Alexander, 2003. Borneo as the homeland of the Malay Language: Fifteen Years Down the Road. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Sejarah Bahasa Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Brown, Donald E, 1970. Brunei: The Structure and History of a Bornean Malay Sultanate. Monograph of the Brunei Museum Journal, vol. 2 no. 2 Bandar Seri Begawan: Brunei Museum.

Carr, E.H., 1961. What is History (terj.). Ab. Rahman Haji Ismail, 1984. Apakah Sejarah? Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Collins, J.T., 1998. Malay, World Language: A Short History. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2003. Kamus Bahasa Melayu Nusantara. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kirkpatrick, E.M., 1983. Chambers 20<sup>th</sup> Century Dictionary. New Edition. Edinburgh: Chambers.

Australian Bureau of Statistics, 2001. <http://www8.abs.gov.au/censusoutput>.

Collins, J.T. <http://www.angelfire.com/alt/ghettoway/malaysocio.htm>.

CIA World Factbook. <https://www.cia.gov/cia/publications/factbook/geos/uk.html#people>.

[http://en.wikipedia.org/wiki/English\\_language](http://en.wikipedia.org/wiki/English_language).

<http://factfinder.census.gov/servlet>.

<http://www.stats.govt.nz/default.htm>.

[http://id.wikipedia.org/wiki/Masyarakat\\_Melayu\\_di\\_Malaysia](http://id.wikipedia.org/wiki/Masyarakat_Melayu_di_Malaysia).

[http://id.wikipedia.org/wiki/Bahasa\\_Indonesia](http://id.wikipedia.org/wiki/Bahasa_Indonesia).

[http://www.ethnologue.com/show\\_country.asp?name=Indonesia](http://www.ethnologue.com/show_country.asp?name=Indonesia).

[http://www.ethnologue.com/show\\_country.asp?name=Indonesia](http://www.ethnologue.com/show_country.asp?name=Indonesia)+ (Java+and+Bali).

<http://id.wikipedia.org/wiki/Brunei>.